



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 23 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI JAMIN KELANCARAN RANTAIAN BEKALAN DAN SEKURITI MAKANAN NEGARA SEPANJANG PELAKSANAAN PKP 3.0, UTUSAN BORNEO -ONLINE MAFI AKAN PASTIKAN BEKALAN MAKANAN TERJAGA SEPANJANG PKP – RONALD KIANDEE, ASTRO AWANI -ONLINE PKP: BEKALAN, SEKURITI MAKANAN TERJAMIN, SH -ONLINE KERAJAAN JAMIN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NASIONAL, BH -8 IMPORT DAGING SEJUK BEKU DARI INDIA DITERUSKAN, COVID-19, HM -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	6 MAQIS OFFICERS TO FACE CHARGES, NATION/NEWS, NST -9 6 STAF MAQIS DIDAKWA HARI INI, LOKAL, HM -21 4 PEGAWAI MAQIS DIDAKWA HARI INI, NASIONAL, BH -1 PENGARAH MASIH BEBAS, PENGURUS TAK MENGAKU SALAH, NASIONAL, BH -16 4 KONTENA BAWANG BESAR DARI INDIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -16 MAQIS RAMPAS 120,000KG BAWANG MERAH DARI INDIA, LOKAL, HM -20 MAQIS RAMPAS BAWANG INDIA RM150,000, NEGARA, KOSMO -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI jamin kelancaran rantaian bekalan dan sekuriti makanan negara sepanjang pelaksanaan PKP 3.0



RONALD

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengalu-alukan keputusan Kerajaan untuk mengetatkan lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang sedang berkuat kuasa dalam usaha untuk mengawal dan melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 yang semakin meningkat.

ADVERTISEMENT

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pada masa sama, MAFI akan memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan dan sekuriti makanan negara sepanjang pelaksanaan PK 3.0 pada kali ini.

Tambah beliau, sektor pertanian dan industri makanan akan terus diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu (essential services) dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu.

"MAFI telah mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan golongan petani, nelayan dan penternak terus diberi kebenaran untuk beroperasi sepanjang PKP bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan," katanya selepas perjumpaan bersama komuniti nelayan di Kampung Terusan Sugut, hari ini.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk, YB Samad Jambri.

Sejajar dengan usaha itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran berkata MAFI juga mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi terus memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan.

Beliau berkata kerajaan akan memastikan bekalan makanan bagi bahan makanan utama iaitu beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan terus berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Pada masa yang sama, Ronald juga mengingatkan golongan petani, nelayan dan penternak serta pengusaha industri agromakan secara keseluruhannya sentiasa mematuhi SOP dan menjaga keselamatan diri sepanjang masa.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memastikan kebajikan barisan hadapan sektor agromakanan ini dipelihara dan diberi keutamaan.

Perkhidmatan bilik gerakan Crisis Management Centre (CMC) juga telah dibuka semula selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang berfungsi sebagai pusat utama

penerimaan panggilan, pusat amaran awal (early warning centre), centralized command centre dan pusat pelaporan situasi harian untuk mendapatkan maklumat terkini setiap sektor dan industri.

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 0388701491/1664 atau di <http://mafi.spab.gov.my>.

Selain itu, sistem pemantauan data dan isu bekalan harian (SITREP) seluruh negara yang dilaksanakan oleh MAFI sejak PKP 1.0 akan terus menjana status semasa dan laporan bekalan makanan ke atas 8 komoditi utama. Laporan ini dikemukakan kepada MKN bagi tujuan pemantauan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAFI akan pastikan bekalan makanan terjaga sepanjang PKP - Ronald Kiandee



Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), keperluan sektor itu akan dipantau oleh Crisis Management Centre (CMC) dan sistem pemantauan data dan isu bekalan harian (SITREP). -Gambar Fail

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan kelancaran rantai bekalan dan sekuriti makanan negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Menurut menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, MAFI dalam masa yang sama amat mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk mengetatkan lagi PKP 3.0 dalam usaha untuk mengawal dan melandaikan lengkung jangkitan COVID-19.

Jelasnya, sektor pertanian dan industri makanan akan terus diutamakan sebagai perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) tertentu.

"MAFI telah mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan golongan petani, nelayan dan penternak terus diberi kebenaran untuk beroperasi sepanjang PKP demi kelangsungan bekalan makanan,"

katanya selepas perjumpaan bersama komuniti nelayan di Kampung Terusan Sugut, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Beluran itu turut memberi keyakinan akan mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi memastikan bekalan negara kekal stabil dan mencukupi walau dalam apa jua keadaan.

Bekalan-bekalan tersebut termasuk beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Tambahnya lagi, Pusat Pengurusan Krisis (CMC) juga telah dibuka semula selaras dengan pelaksanaan PKP 3.0 yang berfungsi sebagai pusat utama penerimaan panggilan, pusat amaran awal (early warning centre), dan pusat laporan situasi harian untuk mendapatkan maklumat terkini setiap sektor dan industri.

"Selain itu, sistem pemantauan data dan isu bekalan harian (SITREP) seluruh negara yang dilaksanakan oleh MAFI sejak PKP 1.0 akan terus menjana status semasa dan laporan bekalan makanan ke atas lapan komoditi utama," jelasnya dalam kenyataan sama.

Beliau berharap, sepanjang PKP ini dilaksanakan golongan petani, nelayan dan penternak serta pengusaha industri agromakan sentiasa mematuhi SOP dan menjaga keselamatan diri sepanjang masa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

PKP: Bekalan, sekuriti makanan terjamin



MAFI akan memastikan kelancaran rantaian bekalan dan sekuriti makanan negara sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan pergerakan (PKP) pada kali ini.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan kelancaran rantaian bekalan dan sekuriti makanan negara sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan pergerakan (PKP) pada kali ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia berdasarkan keputusan kerajaan mengetatkan PKP yang sedang berkuat kuasa untuk mengawal dan melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 yang semakin meningkat.

Katanya, sektor pertanian dan industri makanan akan terus diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa dengan prosedur operasi standard (SOP) tertentu.

‘MAFI mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan golongan petani, nelayan dan penternak terus diberi kebenaran untuk beroperasi sepanjang PKP bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan.

“Kami juga mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan akan memastikan bekalan makanan bagi bahan makanan utama iaitu beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan terus berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Ronald turut mengingatkan kepada golongan petani, nelayan dan penternak serta pengusaha industri agromakanan supaya sentiasa mematuhi SOP serta menjaga keselamatan diri sepanjang masa.

“Kerajaan akan terus memastikan kebajikan barisan hadapan sektor agromakanan ini dipelihara dan diberi keutamaan,” katanya.

Tambah beliau, perkhidmatan bilik gerakan Crisis Management Centre (CMC) juga dibuka semula selaras dengan pelaksanaan PKP.

Menurutnya, ia berfungsi sebagai pusat utama penerimaan panggilan, pusat amaran awal, pusat arahan berpusat dan pusat pelaporan situasi harian untuk mendapatkan maklumat terkini setiap sektor serta industri.

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 0388701491/1664 atau di <http://mafi.spab.gov.my>.

Penularan COVID-19

Kerajaan jamin bekalan makanan mencukupi

Kementerian pastikan petani, nelayan, penternak kekal beroperasi sepanjang PKP 3.0

Oleh Taty Hariyanti
Ahmad Rusdi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan rantaian bekalan makanan dan sekuriti makanan negara tidak terganggu sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Ronald Kiamde, Datuk Seri Dr Ronald Kiamde, berkata sektor pertanian dan industri makanan akan terus diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"MAFI mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan petani, nelayan dan penternak diberi kebenaran untuk beroperasi sepanjang PKP.



Sektor pertanian dan industri makanan terus diletakkan sebagai perkhidmatan perlu. (Foto hiasan)

"Usaha ini bertujuan memastikan kelangsungan bekalan makanan," katanya selepas perjumpaan bersama komuniti nelayan di Kampung Terusan Sugut, Beluran, Sabah.

Teks kenyataan akhbar beliau dikeluarkan di sini.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata, MAFI juga mengambil pelbagai langkah dan usaha bagi terus memastikan bekalan

seluruhnya, supaya sentiasa mematuhi SOP dan menjaga keselamatan diri sepanjang masa.

Beliau berkata, pihaknya terus memastikan kebajikan barisan hadapan sektor agromakanan itu diberi keutamaan.

"Perkhidmatan Bilik Gerakan Crisis Management Centre (CMC) juga dibuka semula selaras dengan pelaksanaan PKP

MAFI mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk mendapatkan kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan petani, nelayan dan penternak diberi kebenaran untuk beroperasi sepanjang PKP



Ronald Kiamde,
Menteri Pertanian
dan Industri
Makanan

3.0 yang berfungsi sebagai pusat utama penerimaan pengedaran, pusat amaran awal, certified command centre dan pusat pelaporan situasi harian untuk mendapatkan maklumat terkini setiap sektor dan industri," katanya.

Selain itu katanya, sistem pemantauan data dan isu bekalan harian (SITREP) seluruh negara yang dilaksanakan oleh MAFI sejak PKP 1.0 akan terus menjaga status semasa dan laporan bekalan makanan terhadap komoditi utama.

Katanya, laporan itu juga akan dihimpunkan kepada MKN bagi tujuan pemantauan.

Orang ramai yang mempunyai pertanyaan dan aduan boleh sahkan menerusi talian hotline 03-98701491 atau 1664 atau di laman web <http://mafi.spab.gov.my>.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	HARIAN METRO	COVID-19	7

Import daging sejuk beku dari India diteruskan

Kota Bharu: Kerajaan masih terus mengimport daging sejuk beku dari India meskipun kes jangkitan Covid-19 melonjak di negara terbabit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (Mafi), Datuk Che Abdulah Mat Nawi berkata, negara masih bergantung sebanyak 79 peratus kepada daging import dan ia jauh daripada peratusan disasarkan iaitu 30 peratus.

"Kita masih mengimport sepenuhnya daging sejuk beku dari India kerana mahu

mencukupkan permintaan dalam negara iaitu 79 peratus.

"Setakat ini perkara itu dapat dipastikan daripada sumber bersih dan rumah sembelih diluluskan," katanya pada sidang media selepas melawat kedai pengeluaran daging segar tempatan iaitu Kedai Duniadaging milik Al-Quds Livestock Sdn Bhd di sini, semalam.

Pengusaha berkenaan turut menjalankan bidang penternakan di ladangnya di Rantau Panjang, dekat sini.

Dalam usaha mencukup-

kan permintaan daging segar dalam negara, Che Abdulah menyarankan agar rakyat merebut peluang dalam bidang penternakan dengan menjadikannya sebagai satu perniagaan yang boleh dikembangkan.

Beliau berkata, pada tahun lalu, jumlah ternakan lembu di Malaysia sebanyak 659,317 ekor dan penggunaan hasil ternakan daging lembu atau kerbau sebanyak 200,254.9 tan metrik berbanding pengeluaran hasil ternakan daging hanya 43,492.4 tan metrik.

"Antara cabaran utama negara pada masa kini adalah menyediakan keperluan daging segar bagi menampung permintaan pengguna yang melebihi bekalan.

"Perkara ini terjadi disebabkan populasi ternakan masih rendah dalam negara dan kebergantungan kepada sumber import.

"Kekurangan terhadap bekalan daging ini seharusnya dijadikan peluang untuk rakyat mengusahakan bidang penternakan yang dilihat sangat berpotensi untuk dikembangkan," katanya.

MEAT CARTEL SCANDAL

6 MAQIS OFFICERS TO FACE CHARGES

A cold storage company manager is also expected to be charged today, says the MACC

MOHAMED FARID NOH
JOHOR BARU
news@nst.com.my



Zamri Hisham

SIX Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) enforcement officers and a cold storage company manager are expected to be charged over the meat cartel fiasco.

The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) said that they would be charged at the Sessions Court here this morning.

The *New Straits Times* and *Berita Harian* previously reported that a cartel had been importing non-certified meat and selling them as halal meat in Malaysia.

Another Malay daily also broke the news on its operations in Johor.

The cartel has reportedly been operating for over 40 years and imported meat from non-halal-certified slaughterhouses in a few countries, such as Brazil, Bolivia, Canada, Colombia, Spain and Mexico.

The meat, smuggled out of the port, would be taken to warehouses where it would be mixed with halal-certified meat, repacked with fake halal logos and then sold in the market.

A total of RM6.47 million worth of uncertified meat was seized by the authorities.

On April 23, a company, including its two directors and manager, was charged in the Sessions Court on four counts of possessing and conspiracy involving prohibited frozen goods in December last year.

It involved 5,224 boxes containing frozen chicken parts, beef, mutton, turkey and duck worth RM643,465.39.

Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, its directors Yong Chee Keong, 40, and Tan Siew Huak,

42, who are still at large, and manager Chong Kim Kuang, 48, pleaded not guilty to the charges.

On Feb 9, the same company and executives pleaded not guilty at the Sessions Court here to 21 counts of possessing and distributing unauthorised frozen products and using false and unauthorised halal logos.

They were accused of possessing and distributing 3,418 packages of frozen products without the approval of two Australian companies and using false and unauthorised halal logos from two Australian certification bodies.

Meanwhile, in Port Klang, Maqis on Friday seized four containers carrying 120,000kg of onions from India, after discrepancies were found on the import permit.

Selangor Maqis director Zamri Hisham said the consignment, valued at RM150,000, was seized by enforcement officers at 12.15pm.

"Maqis found that the consignment did not comply with the requirements of the 3P Certificate (Grading, Packaging and Labelling) Regulations.

"Investigations also revealed that the consignment is meant for local distribution to wholesalers."

Zamri said they had seized all four containers.

He said the failure to comply with import conditions and regulations was an offence under Section 15 (1) of the Quarantine and Examination Services Act 2011 [Act 728].

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

KES KARTEL DAGING

6 STAF MAQIS DIDAKWA HARI INI

Oleh Mohamed Farid Noh
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Enam pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) serta seorang pengurus syarikat sejuk beku yang dipercayai terbabit dalam kes kartel daging akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini 23 Mei.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan perkara itu dalam satu jumpatan media yang diedarkan tengah hari semalam.

Pada 23 April lalu, sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa sekali lagi di Mahkamah Sesyen di sini, atas empat pertuduhan memiliki ki dan bersubahat memiliki barangan larangan produk sejuk beku, Disember lalu. Ia membabitkan 5,224 kotak bahagian ayam, kambing, lembu, ayam Belanda dan itik sejuk beku yang bernilai RM643,465.39.

Tertuduh iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pada 9 Februari lalu pula, Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, Chee Keong dan Siew Huak yang masih bebas serta pengurus, Kim Kuang turut didakwa di Mahkamah Sesyen atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk beku, awal Disember lalu.

Bagaimanapun semua mereka mengaku tidak bersalah. Pada 2 Disember lalu media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina yang menggemparkan negara.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang akan ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal. Ia membabitkan rampasan bernilai lebih kurang RM 6.47 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	1

Kartel seludup daging 4 pegawai MAQIS didakwa hari ini

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Empat pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta pegawai mengurus sebuah syarikat sejuk beku yang disyaki terbabit dalam kes kartel penyeludupan daging akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Pendakwaan itu dipercayai

yang pertama membabitkan pegawai MAQIS selepas beberapa individu dan syarikat didakwa sejak Februari hingga April lalu.

Pada 23 April lalu, sebuah syarikat bersama dua pengarah dan pengurusnya, didakwa atas empat pertuduhan memiliki dan bersubahat memiliki barang larangan produk sejuk beku, Di-
semer lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Pengarah masih bebas, pengurus tak mengaku salah

Dari Muka 1

Ia membabitkan 5,224 kotak bahagian ayam, kambing, lembu, ayam belanda dan itik sejuk beku yang bernilai RM643,465.39.

Tertuduh, iaitu syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd; pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

Pada 9 Februari lalu pula, Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, Chee Keong, dan Siew Huak, yang masih bebas serta pengurus, Kim Kuang, turut didakwa di Mahkamah Sesyen atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa keulusan untuk membekalkan daging sejuk beku, awal Disember lalu. Bagaimanapun semua mereka mengaku tidak bersalah.

Pada 2 Disember lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel menyedup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sehingga mengemparkan negara.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia dan kegiatan itu terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, di sini.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi membuat label dan cap palsu untuk ditampal pada kotak daging dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

Ia membabitkan rampasan bernilai kira-kira RM6.47 juta.

4 kontena bawang besar dari India dirampas



MAQIS Selangor mematahkan cubaan membawa masuk empat kontena bawang besar dari India di Pelabuhan Klang Utara, kelmarin.

(Foto ihsan MAQIS)

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor mematahkan cubaan sebuah syarikat tempatan membawa masuk empat kontena bawang besar dari India di Pelabuhan Klang Utara di sini, kelmarin.

Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata empat kontena terbabit ditahan dalam pemeriksaan rutin yang dilakukan pegawai penguat kuasa MAQIS jam 12.15 tengah hari.

"Ketika pemeriksaan, MAQIS mendapati sejumlah 120,000 kilogram bawang besar yang dianggarkan bernilai RM150,000 tidak mematuhi syarat dalam Per-

mit Import MAQIS iaitu gagal mematuhi peraturan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) yang ditetapkan.

"Siasatan juga mendapati, syarikat terbabit membawa masuk

untuk pasaran tempatan (dipasarkan kepada pemborong).

"Empat kontena mengandungi bawang besar itu ditahan MAQIS untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Zamri berkata, kegagalan mematuhi syarat import adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 15(1), Akta Furkaidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2), akta yang sama," katanya.

120,000 kilogram

bawang besar bernilai RM150,000 dirampas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

Maqis rampas 120,000kg bawang merah dari India

Shah Alam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas 120,000 kilogram bawang merah dianggarkan bernilai RM150,000 dari India di Pelabuhan Klang Utara, dekat sini, kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor Zamri Hashim berkata, empat kontena yang membawa bawang berkenaan ditahan pada 12.15 tengah hari susulan pemeriksaan rutin pihaknya kerana tidak mematuhi syarat Permit Import Maqis iaitu peraturan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) yang sudah ditetapkan.

Zamri berkata, kegagalan

mematuhi syarat import adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

“Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15 (2) akta yang sama,” katanya dalam kenyataan ringkas, semalam.

Zamri berkata, pihaknya amat memandang serius isu membabitkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam kelestarian makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/5/2021	KOSMO	NEGARA	12

Maqis rampas bawang India RM150,000

KLANG – Cubaan sebuah syarikat pengeluaran dan pengagihan produk pengguna di daerah ini membawa masuk 120 tan bawang besar merah dari India bernilai RM150,000 tanpa permit gagal selepas dirampas pihak berkuasa di Pelabuhan Utara kelmarin.

Rampasan pada pukul 12.15 tengah hari itu dilakukan hasil pemeriksaan rutin Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, siasatan awal mendapati kesemua bawang tersebut dibawa menerusi empat kontena sejak 2 Mei lalu.

Katanya, siasatan mendapa-

ti syarikat itu tidak mematuhi syarat permit import Maqis iaitu peraturan Sijil Perakuan 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Hasil siasatan turut mendapati kesemua bawang itu adalah untuk pasaran di Lembah Klang.

"Ini adalah kesalahan pertama dilakukan oleh syarikat tersebut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau keduanya sekali.



SEBAHAGIAN bawang India yang dirampas di Pelabuhan Utara baru-baru ini.